

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian sedar kerosakan bangunan di Institusi Latihan Perindustrian Labuan memerlukan penyelenggaraan serta pembinaan bangunan baharu untuk menambah kapasiti tempat tinggal dan kelas bagi memastikan keselamatan dan keselesaan kepada pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan telah mula di bina pada Mac 1982 di atas sebidang tanah berkeluasan 32 ekar, dan telah memulakan operasinya pada Jun 1984.

2. Sejak mula beroperasi sehingga sekarang, Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah melakukan pelbagai kerja menaik taraf dan penyelenggaraan bangunan, penambahan bangunan baharu serta penyelenggaraan fizikal dan peralatan latihan di ILP Labuan. Untuk rekod, sejumlah RM1.1 juta telah dibelanjakan bagi tempoh 2017-2019 untuk tujuan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan fizikal dan peralatan latihan di ILP Labuan.

SOALAN NO : 532

3. Sebagai langkah penambahbaikan berterusan bagi kemudahan-kemudahan di ILP Labuan, Kementerian telah membuat permohonan bagi projek pembinaan kuarters baharu untuk pegawai dalam Rolling Plan 4 (RP4) di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Selain itu, Kementerian juga membuat perancangan keperluan projek naik taraf bangunan dan kemudahan ILP Labuan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.